

Program Pertanian Bandar Jabatan Pertanian

- Membantu meringankan kos sara hidup melalui pengeluaran sendiri sebahagian bahan makanan yang diperlukan.
- Melibatkan penduduk di kawasan bandar dan pinggir bandar.
- Melalui program tersebut penduduk bandar boleh menambah pendapatan.
- Kerjasama dan penglibatan pelbagai jabatan dan agensi berkaitan di peringkat negeri dan persekutuan.
- Jabatan Pertanian sedia memberikan khidmat nasihat teknikal dna insentif sebagai galakan awal.

Permohonan

- Kawasan penanaman adalah sekeliling rumah, institusi, pejabat, tanah rezab kerajaan dan tanah terbiar yang sesuai.
- Jabatan Pertanian peringkat negeri berperanan menentukan kawasan aktiviti, jenis katogeri dan kesesuaian tanaman.

Syarat kelayakan

- Peserta terbuka kepada warganegara Malaysia sahaja.
- Menetap di kawasan bandar dan pinggir bandar.
- Berminat serta berkemampuan untuk melaksanakan projek tanaman.

Individu

- Laman edibel individu dalam komuniti minimum 10 orang.

Komuniti

- Kebun organik, konvensional minimum 10 peserta.

Institusi

- Laman institusi.

Sekolah

- Laman sekolah.

Kaedah pengembangan pertanian bandar

Latihan dan kursus

- Penyampaian teknologi berdasarkan kategori projek.

Pameran

- Wadah promosi Pertanian Bandar dalam memupuk minat untuk bertani.

Demonstrasi

- Pembelajaran efektif melalui teori dan praktikal.

Khidmat nasihat

- Perkhidmatan berkualiti dan berkesan kepada komuniti bandar.



SALAH seorang penduduk membuang rumput di sekitar Taman Herba secara sukarela.

Penduduk bandar ayuh bertani

DBKL, UPM wujudkan Komuniti hijau galak penduduk kota bercucuk tanam

HARI itu seperti hari minggu sebelumnya, selepas **Shukri Dollah** bersarapan dan menguruskan sedikit hal berkaitan anak-anak, dia pantas mencapai alatan berkebunnya.

Langkahnya diatur laju menuruni anak tangga sebuah taman hijau di kelilingi pokok buah-buahan tempatan seperti belimbing besi serta tumbuhan herba.

Setibanya di kawasan sedikit berbukit, matanya tidak lepas membelek-belek pokok jarum tujuh bilah, semambu, putat, tenggek burung, kaduk, lemuning, sirih, dan serai wangi yang tumbuh segar di kiri kanan laluan.

Hatinya berbunga, beberapa batang serai, helaian daun kunyit serta daun pandan dipetik untuk kegunaan tengah hari nanti.

Pandangannya dilemparkan ke sekeliling kawasan 'taman' tersebut, nyata usahanya bersama rakan-rakan tiga tahun dahulu kini membuahkan hasil.

"Tidak sia-sia berbakti kepada tanah, ada juga hasil," getus hatinya.

Peluang yang diberikan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Universiti Putra Malaysia (UPM) dan beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) untuk membangunkan kawasan bersemail berhampiran Projek Perumahan Rakyat (PPR) Raya Permai, Cheras, Kuala Lumpur tidak disia-siakan.

Dikenali sebagai projek Taman Herba Sungai Midah Local Agenda 21 (LA21), program tersebut merupakan antara alternatif DBKL untuk mengindahkan kawasan sekitar perubahan di bandar raya Kuala Lumpur.

Kos sara hidup yang tinggi dilihat semakin menekan pelbagai lapisan golongan di negara ini.

Keadaan tersebut tidak dapat dielakkan kerana negara sedang pesat membangun selain ketidakstabilan ekonomi dunia juga turut memberi kesan.

Segalanya kini menjadi semakin mahal termasuklah produk-produk makanan mahupun sayuran segar.

Lebih memeritkan, mereka yang hidup di kota-kota besar pastinya memerlukan kos yang tinggi untuk meneruskan kelangsungan hidup.

Usaha mewujudkan pertanian bandar dilihat membuahkan hasil apabila hasil tanaman yang diusahakan komuniti tersebut bukan sahaja dapat memenuhi keperluan sayuran hijau mereka malah turut boleh dipasarkan.

Projek itu mampu menjana pendapatan sampingan komuniti melalui penjualan anak-anak pokok kepada komuniti luar serta jualan hasil tanaman.

Perkara tersebut diakui **Sukri** yang juga merupakan pengerusi kepada hampir 30 peserta persatuan penduduk PPR berkenaan.

Jelasnya, projek itu bukan sahaja membantu membekalkan sayur segar dan membantu meringankan beban ekonomi penduduk tetapi turut mencorakkan reka bentuk landskap yang lebih ceria.

"Ini merupakan satu usaha yang memberi manfaat besar kepada penduduk di komuniti PPR Raya Permai," katanya ketika ditemui di ibu negara baru-baru ini.

SEORANG penduduk yang terlibat memerhatikan pokok-tebu yang ditanamnya di Taman Herba yang diusahakan.



SHUKRI DOLLAH



DR. HALIMI MOHD. SAUD (berdiri, empat dari kanan), Norazmin Adibah Othman (berdiri, dua dari kanan) bersama penduduk yang terlibat bergambar di Taman Herba Sungai Midah Local Agenda 21 (LA21).

"Penglibatan komuniti dalam pembangunan taman herba ini juga telah membuka perspektif baharu dalam merealisasikan impian bandar hijau di Kuala Lumpur," katanya.

Ber cerita semula bagaimana projek tersebut boleh terlaksana, **Sukri** berkata semuanya bermula apabila komuniti di PPR berkenaan menyuarakan rasa tidak puas hati terhadap aktiviti vandalisme yang berlaku kepada pihak DBKL.

Sementara itu, kawasan yang semak yang terbiar dan tidak terurus di sekitar kawasan penempatan tersebut memburukkan lagi keadaan.

Berdasarkan aduan tersebut DBKL telah mengambil langkah proaktif memulihkan semula keadaan kawasan perumahan itu namun tidak bertahan sehingga mereka memperkenalkan program LA 21 kepada masyarakat setempat di situ.



PEGAWAI Pertanian Kanan, Fakulti Pertanian UPM, Mohd. Ghazali Satar (kiri) menunjukkan cara menentukan kesuburan tanah dengan menggunakan alat khas kepada penduduk yang terlibat.



MOHD. GHAZALI SATAR (kanan) menunjukkan cara menentukan kepekatan baja bagi pokok.

Sokong Agenda 21

KETUA Unit LA 21, Jabatan Perancangan Bandaraya, **Norazmin Adibah Othman** berkata, program tersebut merupakan program khas yang ditubuhkan sejak deklarasi Sidang Kemuncak Bumi Mengenai Alam Sekitar di Rio de Janeiro, Brazil pada tahun 1992.

"Malaysia telah mengambil inisiatif menyokong Agenda 21, Pelan Tindakan Global ke arah pembangunan mampan untuk abad ke-21.

"Program LA21, iaitu Agenda 21 di peringkat tempatan menekankan penglibatan dan peranan pihak berkuasa tempatan (PBT) dalam melaksanakan pembangunan mampan di peringkat tempatan sebagaimana yang dinyatakan dalam bab ke-28 Agenda 21," katanya.

Sehubungan dengan itu, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dengan Kerjasama Unit Perancang Ekonomi (EPU) dan Program Pembangunan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP) memulakan pelaksanaan Program LA21 menerusi Program Perintis LA21 pada bulan Mac 2000.

Program LA21 yang memberi tumpuan kepada kerjasama ataupun *partnership* antara PBT, masyarakat dan sektor swasta ke arah pembangunan mampan.

"Jika dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh, ia mampu mewujudkan persekitaran yang selesa, selamat dan harmoni selain melahirkan sebuah masyarakat yang sihat dan peka terhadap isu-isu alam sekitar, sosial dan ekonomi," katanya.

Menerusi program tersebut, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah bekerjasama rapat dengan penduduk mencari penyelesaian permasalahan

dan wujudlah projek Taman Herba Sungai Midah Local Agenda 21 (LA21).

Dibuka kepada semua penduduk yang ingin terlibat, DBKL mendapatkan kerjasama daripada Jabatan Pertanian serta pihak UPM untuk memberi khidmat nasihat kepada penduduk untuk bercucuk tanam.

Sementara itu Timbalan Dekan Pembangunan, Jaringan Industri dan Masyarakat, Fakulti Pertanian UPM, **Prof. Madya Dr. Halimi Mohd. Saud** berkata, pihaknya menyediakan tenaga pakar dalam menentukan kaedah pertanian terbaik sesuai dengan keadaan tanah dan persekitaran bandar.

"Di bandar ini tanahnya tidak subur di kawasan luar bandar selain kawasanannya juga terhad, justeru UPM membantu penduduk di sini dengan menawarkan kepakaran kaedah penanaman alternatif.

"Selain itu, kita juga ada membuat kajian kesesuaian tanah di sini untuk tujuan pertanian.

"Sekiranya didapati tidak subur, kita akan ajar cara penggunaan baja, kaedah penanaman yang lebih baik kepada mereka (komuniti PPR)," katanya.

Pembangunan infrastruktur, pembelian peralatan pertanian, benih dan struktur lainnya pula disumbangkan oleh pertubuhan bukan kerajaan (NGO) sebagai salah satu

tanggungjawab sosial mereka. Selain untuk kegunaan sendiri, komuniti yang mengusahakan taman herba itu kini sudah mula memasarkan produk sayur-sayuran mereka kepada orang ramai.

Gambar FARIZ RUSADIO



NORAZMIN ADIBAH OTHMAN



DR. HALIMI MOHD. SAUD